



Headline: Serah kata laluan perbankan
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 November 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 60

DITIPU MACAM SCAM

Serah kata laluan perbankan

➔ Doktor
pelatih rugi
RM12,400
diperdaya
sindiket

Oleh Shahrinnahar Latib
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

Seorang doktor pelatih di sini sanggup menyerahkan nama dan kata laluan perbankan internet miliknya sehingga kerugian RM12,400 kerana terlalu takut apabila diperdaya sindiket yang mendakwa mangsa terbabit kes pengubahan wang haram.

Lelaki berusia 28 tahun itu terdahulu menerima panggilan daripada individu kononnya pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 26 Oktober lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek mendakwa mangsa bekerjasama dengan seorang penjenayah ber-

nama Tan Wai Ping dalam kes pengubahan wang haram berjumlah RM1 juta.

"Mangsa menafikan perkara itu kerana langsung tidak mengenali lelaki berkenaan, sebelum talian disambungkan kononnya kepada Inspektor Wong dan Inspektor Kamarul.

"Dalam panggilan itu, mangsa didakwa turut terbabit kes dadah. Talian kemudian disambungkan pula kepada Encik Lim yang kononnya juruaudit AMLA (Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram) serta meminta mangsa membuat pindahan wang," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

Pindah wang melalui ATM

Susulan itu, beliau berkata, mangsa memindahkan wang RM9,900 melalui mesin juruwang automatik (ATM) ke dalam akaun diberikan, sebelum memberitahu nama serta kata laluan perbankan internet miliknya kepada Encik Lim.

"Suspek kemudian membuat pindahan wang sebanyak RM2,500 milik mangsa ke dalam akaun yang sama dan mendakwa ia dipindahkan ke Bank Ne-



Mohd Wazir Mohd Yusof

gara untuk pembersihan dana.

"Hanya selepas itu mangsa mengesyaki diri ditipu sindiket dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, kelmarin (Isnin lalu)," katanya.

Suri rumah rugi RM16,000

Sementara itu dalam kes berasingan, seorang suri rumah di Triang, Bera, kerugian RM16,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis dan turut mendakwa mangsa terbabit kes pengubahan wang haram serta dadah.

Mohd Wazir berkata, kejadian berlaku pada 1 November lalu apabila wanita berusia 61 tahun itu menerima panggilan seorang lelaki memperkenalkan di-

ri sebagai Kamal Ali dari sebuah bank di Kuala Lumpur yang mendakwa mangsa ada pinjaman RM70,000 dan tunggakan bayaran selama tiga bulan berjumlah RM3,885.

"Suspek meminta mangsa membuat laporan kecemasan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban dan kononnya disambungkan kepada Sarjan Junaidi yang mendakwa wanita itu turut terbabit kes pengubahan wang haram serta dadah.

"Panggilan kemudian disambungkan kononnya kepada Inspektor Kamarul pula yang meminta mangsa memindahkan semua wang dalam akaunnya kerana mendakwa ia bakal dibekukan.

"Berikutan itu, mangsa membuat pindahan wang berjumlah RM16,000 ke dalam akaun diberikan oleh suspek," katanya.

Beliau berkata, mangsa kemudian menceritakan perkara itu kepada ahli keluarganya sebelum dibawa ke IPD Bera untuk membuat laporan.

"Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan," katanya.